

# Belajar Cina:

berasal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Kempen disokong

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Pergerakan Wanita MCA menyokong penuh kempen bercakap Mandrin, belajar bahasa Cina bagi menggalakkan anak-anak belajar bahasa Cina, kata Ketuanya, Datin Paduka Chow Poh Kheng.

Beliau menegaskan, sambutan Pergerakan itu terhadap kempen berkenaan bukanlah langkah perkauman atau reaksi emosi kepada dasar tetapi adalah tindakan yang praktikal.

"Tindakan ini semata-mata untuk memudahkan perhubungan antara dallek-dallek Cina yang selama ini menyulitkan perhubungan," tegas beliau di Perhimpunan Agung Wanita MCA.

Katanya, kempen itu adalah satu antara tiga kempen yang dijalankan oleh Wanita bagi membantu Kerajaan mewujudkan masyarakat baru.

Dua lagi ialah kempen beramah tamah dan memillih bacaan.

Menurut Datin Paduka Chow, kempen beramah tamah perlu serius di amalkan oleh masyarakat Cina bagi mengimbangkan pencapaian ekonomi.

Beliau mencadangkan supaya beramah tamah itu diajar di sekolah dan

juga di rumah, bagi memastikan jenerasi akan datang bersopan santun dan mudah berhubung.

Mengenal kempen membaca, beliau berkata, ia amat perlu bukan sahaja kepada kanak-kanak, bahkan kepada orang dewasa supaya dapat mencungkil ilmu pengetahuan.

Mengenal dasar Memandang Ke

Timur, Datin Paduka Chow berkata, Kerajaan perlu mengikut langkah Jepun dalam melaksanakan dasar pelajaran, iaitu dengan menggalakkan pertumbuhan institusi swasta.

Katanya, dengan cara itu sahaja negara ini akan dapat mencapai tahap pembangunan di bidang sains, teknologi dan ekonomi di negara ini.